

Headline	Kerajaan tanggung kos diskaun elektrik		
MediaTitle	Utusan Sarawak		
Date	21 Mar 2020	Language	Malay
Circulation	37,981	Readership	113,943
Section	EKONOMI	Page No	35
ArticleSize	164 cm ²	Journalist	N/A
PR Value	RM 2,928		



Kerajaan tanggung kos diskaun elektrik

KUALA LUMPUR: Kerajaan akan menanggung kos pemberian diskaun bil elektrik sebanyak RM662 juta, yang mana kos diskaun bagi negeri Sarawak berjumlah RM122.5 juta dan Sabah RM37.5 juta, kata Menteri Tenaga dan Sumber Manusia, Datuk Dr Shamsul Anuar Nasarah.

Kos ini akan ditampung oleh kerajaan melalui dana Kumpulan Wang Industri Elektrik bagi Semenanjung, manakala bagi Sabah dan Sarawak pula, kos pemberian diskaun akan ditanggung oleh Kerajaan Persekutuan, katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Diskaun elektrik sebanyak dua dan 15 peratus untuk tempoh enam bulan bermula April, 2020, yang diumumkan semasa Pakej Rangsangan Ekonomi 2020 adalah sebahagian daripada bantuan untuk meringankan beban rakyat dalam keadaan ekonomi negara yang mencabar berikutan kesan penularan wabak Covid-19.

Shamsul Anuar berkata pemberian diskaun sebanyak 15 peratus kepada enam sektor perniagaan terpilih yang menguna pakai tarif perdagangan dijangka memberi impak pengurangan bil elektrik sebanyak RM40 juta untuk tempoh 6 bulan bagi Semenanjung, manakala bagi negeri Sabah, ia akan melibatkan kos

sekitar RM20 juta dan negeri Sarawak dianggarkan RM8.5 juta.

Menurutnya, diskaun 15 peratus ini melibatkan 10 ribu pemilik akaun dari enam sektor iaitu pengendali hotel, agensi pengembaraan dan pelancongan, kompleks membeli-belah, pusat konvensyen, taman tema dan pejabat syarikat penerbangan tempatan.

"Bagi pengguna komersial, industri dan pertanian pula akan mendapat diskaun dua peratus.

"Ia dijangka memberi manfaat kepada kira-kira 1.6 juta pemegang akaun Tenaga Nasional Bhd (TNB) dengan penjimatan bil elektrik dianggarkan berjumlah RM370 juta bagi tempoh 6 bulan," katanya.

Bagi negeri Sabah, katanya, ia akan memberi manfaat kepada sekitar 99,322 pemilik akaun yang melibatkan anggaran kos sebanyak RM11.5 juta manakala bagi negeri Sarawak pula, ia melibatkan anggaran kos sebanyak RM107.2 juta untuk 100,000 pemilik akaun.

Pengguna domestik atau rumah kediaman pula akan menikmati penjimatan bil elektrik melalui pemberian diskaun dua peratus ke atas penggunaan elektrik bagi tempoh bermula 1 April sehingga 30 September, 2020. – Bernama